

17/01/1997

Pemaju naikan harga dipanggil

KEPALA BATAS, Khamis - Kerajaan negeri akan memanggil sebuah syarikat pemaju perumahan di negeri ini yang dikatakan menaikkan harga rumah kos rendah tanpa kelulusan kerajaan.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata pemaju terbabit akan diminta memberi penjelasan mengenai tindakannya menaikkan harga rumah terbabit, walaupun kerajaan tidak memberi kebenaran.

Beliau berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini hanya menyuarakan hasrat kemungkinan kerajaan menaikkan harga rumah kos rendah pada masa depan.

"Bagaimanapun, pemaju terbabit mengambil kesempatan daripada kenyataan itu untuk menaikkan harga rumah kos rendah walaupun kerajaan negeri belum meluluskannya," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri mengesan syarikat pemaju terbabit selepas syarikat itu menghantar surat kepada pemohon berjaya dan meminta kos tambahan bagi mengubahsuai rumah yang dibeli dan salinan surat itu dihantar kepada Bahagian Perumahan Negeri (BPN).

"Kita sedang meneliti perkara itu dan tindakan yang boleh diambil di peringkat awal ialah meminta pemaju terbabit memberi penjelasan berhubung tindakannya itu.

"Saya kesal kerana pemaju terbabit menuntut bayaran tambahan sebanyak RM2,000 dengan alasan untuk kerja mengubahsuai rumah, sebaliknya tuntutan itu tidak termasuk dalam syarat jualan rumah yang dilaksanakan di negeri ini.

"Kerajaan negeri bimbang tindakan pemaju terbabit bukan saja diikuti pemaju lain untuk menaikkan harga rumah kos rendah melebihi RM25,000 seunit, malah merumitkan masalah perumahan di negeri ini pada masa depan," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri hanya mengemukakan cadangan kemungkinan menaikkan harga rumah kos rendah mengikut lokasi, tetapi belum dilaksanakan mana-mana negeri.

Katanya, kerajaan negeri akan berpegang kepada dasarnya tidak akan menaikkan harga rumah kos rendah, walaupun pemaju mahu berbuat demikian kerajaan negeri lebih mementingkan golongan berpendapatan rendah yang belum dapat membeli rumah yang disediakan.

Beliau berkata, jika kerajaan negeri terpaksa menaikkan harga rumah itu, ia perlu mempunyai garis panduan untuk diguna pakai supaya tidak menimbulkan masalah kepada pembeli.

"Saya berharap pembeli berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa pemaju perumahan yang lebih mementingkan keuntungan daripada komitmen sosial mereka terhadap rakyat dan negara," katanya.

Beliau juga meminta pembeli yang menerima surat dari pemaju dan meragunya supaya menghubungi Bahagian Perumahan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut.

(END)